



24 APR, 2021

Agihan benih padi secara berperingkat

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Agihan benih padi secara berperingkat

Fasa pertama selesai tak lama lagi, bekalan mencukupi untuk pesawah

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu pengagihan benih padi yang dihadapi pesawah ketika ini sedang diselesaikan secara berperingkat dan dijangka berakhir pada akhir Mei nanti.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ro-

nald Kiandee, berkata ketika ini fasa pertama penanaman padi sudah bermula dan pengagihan akan dilakukan sehingga hujung bulan ini.

"Pengagihan padi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, iaitu sehingga 30 April ini, pertengahan dan sehingga akhir bulan depan.

"Fasa pertama akan selesai tidak lama lagi dan benih yang ada juga mencukupi," katanya pada Program Srikandi Muda Pemerkasaan Kepimpinan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi terhadap laporan *BH* yang mendedahkan lebih 30,000 pesawah di empat kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhadapan masalah tidak dapat memulakan proses me-


nanam padi mulai 1 April lalu, berikutan belum menerima benih padi sah sehingga kini.

Ia berikutan pendedar tunggal benih padi, iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) didakwa gagal membekalkan benih padi sah ke kawasan MADA dan sebahagian besar skim tanaman padi di Semenanjung.

Jabatan Pertanian semalam turut mengumumkan sejumlah 26,353 tan benih padi sah sudah disediakan setakat Isnin lalu, bagi kegunaan pesawah di seluruh negara sehingga hujung bulan ini.

Jabatan berkenaan turut menjelaskan kuantiti itu mencukupi bagi keperluan pesawah termasuk pesawah di Kedah dan Perlis.

Pegawai Jabatan Pertanian tu-



Ronald pada Program Srikandi Muda Pemerkasaan Kepimpinan di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

rut dilaporkan sedang melakukan proses pengesahan benih padi dan jumlah keseluruhan benih yang dijangka diguna bagi musim tanaman 1/2021 adalah melebihi 36,000 tan.

Difahamkan, pada musim ini, berlaku peningkatan permintaan

pada benih padi varieti MR 297 menyebabkan bekalannya tidak mencukupi.

Namun begitu, terdapat varieti lain setanding varieti MR 297 iaitu MR 219, MR 220 CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR 269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan MR 263.



24 APR, 2021

Agihan benih padi secara berperingkat

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Fasa pertama selesai tak lama lagi, bekalan mencukupi untuk pesawah

Oleh Ilah Hafiz Aziz illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu pengagihan benih padi yang dihadapi pesawah ketika ini sedang diselesaikan secara berperingkat dan dijangka berakhir pada akhir Mei nanti. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald

Kiandee, berkata ketika ini fasa pertama penanaman padi sudah bermula dan pengagihan akan dilakukan sehingga hujung bulan ini.